



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217 03 – 8870 2253 Faks : 03 – 8888 0579, 03 – 8888 6051 (KP)  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

*Oleh;*

**YB DATUK SERI NOH BIN OMAR**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

**19 Januari 2011 (Rabu)**

### MAJLIS PELANCARAN DAN PENYERAHAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN INDUSTRI BURUNG WALIT NEGARA

1. Majlis ini merupakan majlis pelancaran dan penyerahan **Garis Panduan (1GP) Pembangunan Industri Burung Walit** oleh YB Datuk Seri Noh Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kepada semua agensi Kerajaan dan swasta yang berkaitan sebagai panduan untuk memacu industri walit secara lestari dan mampan.
2. Pada 1 April 2009, Kerajaan telah memutuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dilantik sebagai peneraju bagi merancang pembangunan industri burung walit di negara ini. Berikutan arahan itu, JPV telah melaksanakan usaha-usaha menyelaras, membantu dan menyokong dari aspek undang-undang dan peraturan beserta garis panduan yang menjadi wadah utama untuk memantapkan Industri walit keseluruhannya.
3. Justeru itu, dalam usaha untuk menggalakkan penglibatan pelbagai golongan masyarakat dalam industri sarang burung walit, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah merangka plan induk pembangunan sarang burung walit sehingga tahun 2020 yang menggariskan tindakan-tindakan yang perlu

dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan pihak swasta yang terlibat dalam menjayakan pembangunan industri sarang burung walit di negara ini. Objektif serta strategi pelan induk ini adalah bertujuan untuk mencapai Bidang Keberhasilan Utama dalam meningkatkan pengeluaran sarang burung walit daripada **250 tan metrik bernilai RM1 billion** pada tahun 2008 kepada **500 tan metrik** dengan anggaran nilai sebanyak **RM4.5 billion** pada tahun **2020**.

4. Sehubungan itu, Garis Panduan **(1GP)** Pembangunan Industri Burung Walit **(1GP)** yang bersepadu telah dihasilkan merangkumi **Tatacara Good Animal Husbandry Practices (GAHP) MS 2237:2009, Good Manufacturing Practice (GMP) MS 2333:2010 dan Edible-Birdnest (EBN) – Spesifikasi MS 2334:2010**, Import/ Eksport, Penyelarasan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Pendaftaran, Perlesenan serta rujukan norma-norma berkaitan. Satu Garis Panduan **(1GP)** Pembangunan Industri Burung Walit Negara yang menyeluruh untuk diguna pakai oleh pelbagai agensi yang terlibat bertujuan untuk menyelaras dan mengharmonikan pelbagai peraturan pelaksanaan aktiviti penternakan dan pemprosesan serta kegiatan import dan eksport sarang burung walit agar ia lebih tersusun dan berdaya maju.
  
5. Di samping itu, garis panduan ini turut memperuntukkan kaedah pendaftaran premis burung walit di seluruh negara. Borang pendaftaran premis penternakan dan pemprosesan sarang burung walit ini boleh dimuat turun melalui laman web rasmi JPV. Semua pengusaha diwajibkan untuk berdaftar di bawah JPV. Pendaftaran premis bermula dengan pengisian borang pendaftaran, lawatan tapak pegawai JPV, pemberian nombor *Radio Frequency Identification (RFID)* dan kad pengenalan premis walit. Kesemua ini melibatkan pembayaran sebanyak RM50 sahaja bagi setiap pendaftaran.
  
6. Pada Oktober 2010, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan 16 EPP sektor pertanian di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (*NKEA*) dan salah satunya adalah industri sarang burung walit. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah

RM6 juta bagi pembangunan industri ini pada tahun 2011. Unjuran daripada pelan induk yang telah disediakan, maka pihak Kementerian sedang melaksanakan program yang telah dirancang dengan menumpukan kepada aspek peningkatan kualiti melalui penyelidikan dan urusan daya jejak (*traceability*) sarang burung walit. Di samping itu, Kerajaan akan mengenal pasti di peringkat industri bagi mewujudkan beberapa pusat pemprosesan sarang burung walit di negara ini.

7. Melalui penumpuan terhadap aspek pembangunan penyelidikan dan kualiti produk sarang burung walit, Kerajaan berhasrat supaya satu sistem yang teratur dapat diwujudkan dan seterusnya memudahcara aspek pengeksportan produk sarang burung walit ke luar negara melalui jaminan persijilan kualiti. Di bawah GAHP, aspek kesihatan, keselamatan dan kebajikan haiwan dititikberatkan bagi memastikan penternak premis beroperasi secara teratur manakala GMP pula memastikan aspek sanitasi dan pemprosesan hasil tuaian sarang burung walit dilaksanakan mengikut gred dan pembungkusan yang mengikut piawaian.
  
8. Mana-mana pihak yang berminat untuk mendapatkan **1GP** ini, bolehlah berhubung dengan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya dengan harga RM15 senaskhah. Adalah diharapkan, peraturan-peraturan yang digariskan di bawah **1GP** dapat dipatuhi oleh semua pihak khususnya pihak industri supaya dapat memastikan kelestarian pembangunan industri sarang burung walit negara. Kementerian ini akan bekerjasama dengan pegawai-pegawai di semua agensi terlibat bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan peraturan yang ditetapkan di bawah **1GP**.